



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGETAHUAN DAN PENGLIBATAN BELIA DI KUCHING, SARAWAK
TERHADAP GAGASAN 1MALAYSIA***

ZULKHAIRI BIN ZAINAL

FEM 2015 13

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PENGETAHUAN DAN PENGLIBATAN BELIA DI KUCHING, SARAWAK
TERHADAP GAGASAN 1MALAYSIA**

Oleh

ZULKHAIRI BIN ZAINAL

April 2015

Pengerusi : Sarjit Singh Darshan Singh, PhD
Fakulti : Ekologi Manusia

Gagasan 1Malaysia diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada April 2009 bertujuan mengukuhkan ikatan perpaduan etnik sebagai asas keharmonian dan keamanan negara. Gagasan 1Malaysia adalah konsep asas pembangunan bangsa menuju kewujudan merealisasikan Wawasan 2020 sebagai sebuah negara maju. Namun untuk mencapai hasrat murni tersebut, kerjasama dan penyertaan anggota masyarakat amat perlu terutama golongan belia yang merupakan generasi pewaris pemimpin negara pada masa akan datang.

Pelbagai kajian lepas sering mengaitkan Sabah dan Sarawak dengan isu ‘pembangunan tempang’, ‘terpinggir’ dan ‘tersisih’ daripada agenda pembangunan nasional Malaysia. Tanggapan yang salah terhadap konsep Gagasan 1Malaysia pasti menghalang negara mencapai kejayaan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pengetahuan dari sudut pemahaman, persepsi serta penerimaan dan penglibatan belia di Kuching, Sarawak terhadap Gagasan 1Malaysia. Responden kajian adalah seramai 382 orang yang berumur 18 hingga 40 tahun telah dipilih secara rawak. Responden terdiri daripada pelbagai etnik seperti Melayu, Bidayuh,, Iban, Kenyah, Cina, India, Melanau, Kayan, Kelabit, Lun Bawang dan Brunei. Pemilihan responden berdasarkan kaedah persempelan rawak mudah berstrata. Tahap yang diukur, menggunakan soal selidik dan jawapan yang disediakan adalah dalam bentuk berskala dan boleh diukur mengikut objektif soalan. Hasil kajian tertumpu kepada empat aspek utama, iaitu, pemahaman, persepsi, penerimaan dan penglibatan sama ada pada tahap tinggi, sederhana atau rendah. Selain itu, analisis ujian *Crosstab* dan ujian kolerasi digunakan untuk menentukan perbezaan tahap penglibatan mengikut faktor demografi dan mengenalpasti perhubungan di antara pemahaman, persepsi dan penerimaan terhadap tahap penglibatan belia dalam program Gagasan 1Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai tahap pemahaman yang tinggi terhadap Gagasan 1Malaysia (62.6%) dan persepsi positif terhadap Gagasan 1Malaysia (54.7%). Sementara itu, tahap penerimaan belia terhadap Gagasan 1Malaysia adalah sederhana (68.1%) dan tahap penglibatan pula sebahagian besar adalah rendah (79.3%). Di samping itu, kajian juga mendapati hanya faktor umur dan jenis sektor pekerjaan sahaja mempunyai perbezaan yang signifikan terhadap tahap penglibatan, manakala

hasil ujian kolerasi mendapati tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara pemahaman, persepsi dan penerimaan terhadap tahap penglibatan belia dalam Gagasan 1Malaysia. Ternyata penerimaan dan penglibatan pada tahap kurang memuaskan boleh menjelaskan Gagasan 1Malaysia yang dianggap sebagai wadah penyatupaduan nasional. Hasil kajian ini, diharapkan dapat menjadi petanda aras untuk tindakan penyelesaian dengan mengambil langkah seperti mempertingkatkan promosi dan memperkasakan kembali program agar bersesuaian dengan keperluan golongan belia.



Abstract of thesis presented to Senate of University Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree Master of Science

**KNOWLEADGE AND INVOLVEMENT OF YOUTH IN SARAWAK
TOWARDS 1MALAYSIA CONCEPT**

By

ZULKHAIRI BIN ZAINAL

April 2015

Chairman : Sarjit Singh Darshan Singh, PhD

Faculty : Human Ecology

The 1Malaysia Concept was introduced by Malaysian Prime Minister YAB Dato' Seri Mohd Najib Tunb Abdul Razak in April 2009 for the purpose of consolidating racial ties, as the basis for national harmony and peace. The 1Malaysia Concept is the basis for the people as they head towards the realization of Vision 2020 and becoming a developed nation. However to achieve this noble aspiration, cooperation and participation of members of the society is greatly needed, especially that of youths, who are the generation that will inherit the mantle of leadership in future. Misconception of the 1Malaysia Concept will surely be an impediment to achievement of the nation's success. Various past studies often associate Sabah and Sarawak with the issue of 'development lame', 'marginalized' and 'isolated' from the Malaysian national development agenda. Misconceptions about the concept of 1Malaysia must prevent countries from achieving success. Hence, this study is intended to identify the understanding, perception, acceptance and involvement of youths in Kuching, Sarawak. There were 382 respondents in this study aged between 18 to 40 chosen randomly. The respondents comprised various ethnic group such as Melayu, Bidayuh,, Iban, Kenyah, Chinese, India, Melanau, Kayan, Kelabit, Lun Bawang and Brunei. The selection on respondents was by means of stratified simple random sampling method. Measured levels, using questionnaire and choice answer, are in scale from and can be measured according to the objective of the question. Research findings focused on four important aspects, namely understanding, perception, acceptance and involvement; whether it is at high, moderate or low level. Besides that, Crosstab and Correlation test were used to determine differences in the involvement levels according to demographic factor and to identify the connection between understanding, perception and acceptance, and the level of youth involvement in 1Malaysia Concept programs. Research finding shows that the majority of respondents have a high level of understanding towards 1Malaysia Concept (62.6%) and positive perception towards it (54.7%). Meanwhile, level of youth acceptance towards 1Malaysia Concept was moderate (68.1%) and participation level was low (79.3%). Also the study found that only the factors of age and employment sector had a significant difference with regard to participation, while the correlation test result found that there was no significant connection between understanding, perception and involvement levels for 1Malaysia Concept. It is apparent

that unsatisfactory acceptance and involvement levels can jeopardize the success of the 1Malaysia Concept, which is seen as a vehicle for national unification. It is hoped that the results of this study can act as pointer for remedial action through measures such as increased promotions and empowering again programs that are suitable for the needs of youth.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan hidayah dan inayahnya, dapat saya menyiapkan tesis ini. Sokongan dan dorongan daripada isteri tercinta, Mulida Aini binti Uda Shafie bersama anak-anak tersayang (Muhammad Arif Luqman, Muhammad Haikal Iqbal, Muhammad Aqil Izzuddin dan Nur Rabiatul Adawiyah) menguatkan lagi untuk penyelidik menyiapkan tesis ini. Di samping itu, doa dari ibu tersayang, Hajah Rokiah binti Omar sentiasa memberikan kekuatan dan semangat membara. Tidak dilupai Allahyarhamah Esah binti Hamad yang merupakan ibu,bapak dan nenek yang membawa seribu kenangan berharga sepanjang perjalanan hidup bersamanya. Terima kasih nenek kerana mengajar saya sebagai manusia yang sentiasa cekal (Alfatihah). Terima kasih kepada bapa dan ibu mertua (Hj Uda Shafie Ngah Harun dan Hjh Mazaah Darus) yang sentiasa memberi semangat dan dorongan. Juga kepada setiap hamba Allah lainnya juga yang sentiasa memberi semangat agar perjuangan ini berada di jalan yang direvhai Allah s.w.t.

Setinggi-tinggi terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof Madya Dr Sarjit Singh Darshan Singh yang membuka ruang dan peluang serta membimbang untuk menyiapkan tesis ini dan seterusnya menjadi seorang sarjana. Tidak dilupakan Prof. Madya Dr Ahmad Tarmizi Talib yang sentiasa meluang waktu dalam kesibukan memberi ruang akal berkongsi ilmu. Terima kasih buat Prof Dr Zaid Ahmad dan Prof Dr Jayum A Jawan yang memberi peluang untuk saya berguru dengan memberikan tunjuk ajar dalam usaha mencapai noktah menyiapkan kajian ini.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih juga ditujukan khas kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional yang telah membiayai penyelidikan bermakna ini melalui kajian yang diketuai oleh Prof Madya Dr Sarjit Singh Darshan Singh. Yang mana dengan pembiayaan ini membantu saya dalam menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Universiti Putra Malaysia kerana telah memberi peluang kepada saya melanjutkan pengajian di sini. Seterusnya terima kasih kepada Kerajaan Malaysia melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang telah membiayai pengajian saya.

Sekalung jutaan terima kasih kepada Dr Puvaneswaran, Sdr Rahimi Razali, Sdr Razali Harun, Puan Ayuni dan Encik Baharin Idris serta rakan-rakan lain yang banyak membantu secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan tesis ini. Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam kajian ini kerana sudi memberi kerjasama sepanjang proses pengumpulan data dijalankan. Semoga hasil penyelidikan ini akan memberi manfaat kepada semua pihak dalam memelihara dan menjamin keharmonian sosial bagi menuju ke arah perpaduan nasional yang lebih cemerlang.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 2 April 2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Zulkhairi bin Zainal bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “ Pengetahuan dan Penglibatan Belia di Kuching, Sarawak Terhadap Gagasan 1Malaysia” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakarkan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Adlina binti Ab Halim, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Mohd Ibrani Shahrimin bin Adam Assim, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Razaleigh bin Muhamat@Kawangit, PhD

Profesor Madya

Universiti Kebangsaan Malaysia

Malaysia

(Pemeriksa Luar)

ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 7 Julai 2015

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Sarjit Singh a/l Darshan Singh, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Ahmad Tarmizi bin Talib, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh : _____

Nama dan No. Matrik: Zulkhairi bin Zainal (GS 34939)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi
Jawatankuasa Penyeliaan: **Sarjit Singh a/l Darshan Singh, PhD**
Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia

Tandatangan: _____

Nama Ahli
Jawatankuasa Penyeliaan: **Ahmad Tarmizi bin Talib, PhD**
Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia

JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
AHLI JAWATANKUASA PENYELIA	vii
PERAKUAN PELAJAR	viii
PERAKUAN AHLI JAWATANKUASA PENYELIA	ix
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RINGKASAN	xv

1. PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.1.1 Latar Belakang Gagasan 1Malaysia	1
1.2 Penyataan Masalah	2
1.3 Persoalan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	6
1.4.1 Objektif Umum	6
1.4.2 Objektif Khusus	6
1.5 Gagasan 1Malaysia	6
1.6 Wawasan 2020	7
1.7 Pembangunan Belia	8
1.8 Pembangunan Belia di Malaysia	9
1.9 Kepentingan Kajian	10
1.10 Definisi Istilah	11
1.10.1 Penggetahuan	11
i. Pemahaman	11
ii. Peserpsi	11
iii. Penerimaan	12
1.10.2 Penglibatan	12
1.10.3 Belia	12
1.11 Limitasi Kajian	13
1.12 Rangka Konseptual	13
1.13 Teori Penglibatan Dalam Komuniti	14
1.13.1 Kerangka Teori	15
1.14 Rumusan	16
2. TINJAUAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	17
2.2 Perpaduan	17
2.3 Slogan Pembangunan di Malaysia	18
2.4 Konsep Gagasan 1Malaysia	19
2.5 Cabaran Gagasan 1Malaysia	23
2.6 Pembangunan Negara Bangsa	29
2.7 Pembangunan Komuniti	32
2.8 Penglibatan	34

2.9	Rumusan	35
3.	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	36
3.2	Kaedah Kuantitatif	36
3.3	Lokasi Kajian	36
3.3.1	Populasi	36
3.3.2	Sampel	37
3.3.3	Penentuan Sampel	37
3.3.4	Strategi dan Teknik Persempelan	37
3.4	Reka Bentuk Kajian	38
3.5	Instrumen dan Pengukuran	38
3.5.1	Latar belakang belia yang dipilih	39
3.5.2	Kefahaman belia terhadap G1M	39
3.5.3	Persepsi belia terhadap G1M	39
3.5.4	Penerimaan belia terhadap G1M	40
3.5.5	Penglibatan belia terhadap G1M	40
3.6	Kajian Rintis	40
3.7	Tatacara Kajian dan Pengumpulan Data	41
3.8	Analisis Data	41
3.9	Rumusan	42
4.	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	43
4.2	Profil Responden	43
4.2.1	Taburan Keseluruhan Demografi Responden	43
4.2.2	Taburan Umur	45
4.2.3	Taburan Jantina	46
4.2.4	Taburan Etnik	46
4.2.5	Taburan Agama	47
4.2.6	Taburan Pendidikan Tertinggi	47
4.2.7	Taburan Sektor Pekerjaan	48
4.2.8	Taburan Pendapatan	48
4.2.9	Taburan Status Perkahwinan	49
4.3	Tahap Setiap Pembolehubah	49
4.3.1	Tahap Pemahaman Belia di Kuching, Sarawak Terhadap G1M	50
4.3.2	Tahap Persepsi Belia di Kuching, Sarawak Terhadap G1M	50
4.3.3	Tahap Penerimaan Belia di Kuching, Sarawak Terhadap G1M	51
4.3.4	Tahap Penglibatan Belia di Kuching, Sarawak Terhadap G1M	51
4.4	Analisis Ujian Perbandingan Crosstabulation	52
4.4.1	Skor Penglibatan Belia di Kuching, Sarawak Terhadap G1M Mengikut Etnik	53
4.4.2	Skor Penglibatan Belia di Kuching, Sarawak Terhadap G1M Mengikut Faktor Jantina	54
4.4.3	Skor Penglibatan Belia di Kuching, Sarawak Terhadap G1M Mengikut Faktor Agama	55
4.5	Rumusan	56

5.	RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	57
5.2	Rumusan	57
5.3	Implikasi	58
5.4	Cadangan	59
5.4.1	Tingkatkan Promosi	59
5.4.2	Penjenamaan Semula G1M	59
5.4.3	Menetapkan Kementerian/Jabatan/Agensi Sebagai Penggerak G1M	60
5.4.4	Pengauditan Jabatan/Agensi Kerajaan dalam Pelaksanaan Program Kerajaan	60
		61

RUJUKAN

LAMPIRAN 1

Borang Soal Selidik

LAMPIRAN 2

Booklet 1Malaysia


BIODATA PELAJAR

SENARAI RAJAH

Rajah

Muka Surat

1.1	Kerangka Konseptual	14
1.2	Kerangka Teori	15
3.1	Proses Persampelan Kajian	38



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
3.1 Nilai Alpha setiap bahagian	41
4.1 Taburan Keseluruhan Demografi Responden	43
4.2 Taburan Umur	45
4.3 Taburan Jantina	46
4.4 Taburan Etnik	46
4.5 Taburan Agama	47
4.6 Taburan Pendidikan Tertinggi	47
4.7 Taburan Pekerjaan	48
4.8 Taburan Pendapatan	48
4.9 Taburan Status Perkahwinan	49
4.10 Tahap Pemahaman Belia di Kuching, Sarawak Terhadap G1M	50
4.11 Tahap Persepsi Belia di Kuching, Sarawak Terhadap G1M	50
4.12 Tahap Penerimaan Belia di Kuching, Sarawak Terhadap G1M	51
4.13 Tahap Penglibatan Belia di Kuching, Sarawak Terhadap G1M	51
4.14 Skor Penglibatan Belia di Kuching, Sarawak Terhadap G1M Mengikut Etnik	53
4.15 Skor Penglibatan Belia di Kuching, Sarawak Terhadap G1M Mengikut Faktor Jantina	54
4.16 Skor Penglibatan Belia di Kuching, Sarawak Terhadap G1M Mengikut Faktor Agama	55

SENARAI SINGKATAN

BB1M	Baucar Buku 1Malaysia
BR1M	Bantuan Rakyat 1Malaysia
G1M	Gagasan 1Malaysia
JKKP	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Penduduk
PMAK	Pembangunan Manusia Asas Komuniti
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PRIMA	Perbadanan Program Perumahan 1Malaysia
SARA	Skim Amanah Rakyat 1Malaysia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package For Social Science</i>
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan latar belakang Gagasan 1Malaysia (G1M) yang merupakan model transformasi untuk pembangunan Malaysia. Perbincangan ini meliputi pernyataan masalah tentang perlaksanaan G1M yang sedang dikaji. Pengkaji juga menjelaskan mengenai objektif umum dan beberapa objektif khusus. Bab ini juga membincangkan kepentingan kajian G1M dalam konteks Wawasan 2020 dan pembangunan belia. Kupasan mengenai teori, dan rumusan kajian mengenai G1M turut dibahaskan bagi menjelaskan kedudukan dan status semasa konsep G1M dari perspektif golongan belia.

1.1.1 Latar Belakang Gagasan 1Malaysia

Pelancaran G1M pada 2009 menyaksikan persamaan dengan konsep *One Israel*. Perdana Menteri Dato' Seri Mohd Najib Tun Abd Razak dikatakan mendapat nasihat mengenai G1M daripada Yahudi APCO kerana konsep itu sama dengan konsep *One Israel* yang digunakan oleh Perdana Menteri Israel, Ehud Barak, di Israel pada tahun 1999. Namun begitu APCO di dalam laman webnya menafikan bahawa syarikat itu tidak terlibat dengan konsep 1Malaysia (*APCO dan 1 Indonesia adakah satu kebetulan - MiLo SuaM.mht*).

Dibuktikan juga bahawa Indonesia ikut menggunakan khidmat dari Yahudi APCO ini dengan menggunakan konsep yang sama seperti *One Israel* dan 1Malaysia (www.apcoworldwide.com/Content/pdfs/Indonesia_Brochure.pdf) Malah, lambang dan slogan konsep 1Indonesia juga dilihat ada persamaan dengan 1Malaysia. Jika slogan 1Malaysia ialah "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan", manakala slogan 1Indonesia pula, iaitu "Masyarakat Dahulukan, Pencapaian Utamakan" (*Perisik Rakyat® UMNO-APCO One Israel, 1Malaysia + 1Indonesia_.htm*). Adakah ini hanya kebetulan? Pengkaji berpendapat adakah idea 1(one) ini terlalu agung sehingga menjadi kesalahan bila ada persamaan dengan satu-satu negara lain dengan menggunakan konsep yang sama? Anis Yusal Yusoff (2009) dalam tulisannya bertajuk "*1Malaysia: Apa sebenarnya*" menyatakan sekitar bulan September 2008, pada ketika itu YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abd Razak masih lagi berjawatan Timbalan Perdana Menteri, beliau telah melancarkan satu laman portal dengan alamat *1Malaysia.com.my*. Hal ini bermakna kalau mengikut kronologinya, 1Malaysia telah diperkenalkan oleh YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abd Razak sebelum beliau menjadi Perdana Menteri lagi. Inilah perlunya penerangan yang berterusan tentang G1M dengan lebih menyeluruh agar tidak ada pertikaian di satu pihak yang sentiasa mencari bahan cacian. Pengkaji berpendapat konsep 1Indonesia ini tidak popular dan kurang promosi sebagai merencatkan pendekatan yang diguna pakai di Indonesia. Malah hal ini berlaku juga di Malaysia yang ikut terencat kerana kurangnya promosi hingga ke akar umbi. Lebih malang lagi apabila terdapat banyak salah tafsiran sehingga perkara positif dan kebaikan yang dibawa melalui slogan 1Malaysia ini hampir-hampir tenggelam. Anis Yusal Yusoff (2009) menyatakan bahawa cuma G1M ini diangkat dan dipopularkan selepas April 2009 apabila beliau dilantik sebagai Perdana Menteri. Maka, kajian yang dijalankan ini amat bertepatan dan bersesuaian sekali agar dapat dijadikan bahan rujukan kepada mereka yang ingin tahu sejauh mana

G1M ini telah berjaya diketengahkan dan sampai kepada masyarakat akar umbi khususnya etnik belia yang menjadi perspektif utama untuk kajian ini.

1.2 Pernyataan Masalah

G1M bertujuan memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang etnik berteraskan beberapa nilai sebagai amalan penting rakyat Malaysia. Ia bukanlah satu dasar baru yang terpisah dari dasar-dasar kerajaan sebelum ini, tetapi sebaliknya ia merupakan pelengkap kepada pendekatan yang sedia ada bagi mengukuhkan lagi perpaduan dalam usaha menjamin kestabilan ke arah mencapai kemajuan dan pembangunan yang lebih tinggi untuk rakyat dan Negara Malaysia (PPM, 2009). Lee Yok Fee (2009) menyatakan masyarakat Malaysia boleh mencapai perpaduan namun integrasi masih perlu diterjemahkan terlebih dahulu. Kerana itulah, setelah lebih 4 tahun G1M diperkenalkan pengkaji melihat, Adakah golongan belia memahami intipati G1M? Apakah persepsi belia terhadap G1M yang mementingkan tema perpaduan? Bagaimana tahap penerimaan serta penglibatan belia terhadap program dan aktiviti G1M? Persoalan tersebut perlu dirungkai kerana pengkaji mendapati penggunaan G1M merupakan kesinambungan pendekatan kerajaan untuk merealisasikan Wawasan 2020 dengan menekankan sikap penerimaan antara etnik di Malaysia agar semua pihak saling hormat menghormati dari aspek agama, bangsa dan budaya. Ini selaras dengan ucapan YAB Perdana Menteri Malaysia yang ke-6 Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak mengenai G1M, iaitu:

“1Malaysia adalah satu gagasan bagi memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berteraskan beberapa nilai penting yang seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Malaysia.”

Pelbagai perspektif telah dibahaskan mengenai G1M sebaik sahaja dilancarkan dalam usaha memahami gagasan berkenaan sebelum disampaikan kepada rakyat keseluruhannya. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilihat penting bagi mengenalpasti samada usaha kerajaan melaksanakan G1M sebagai dasar baru benar-benar tercapai atau tidak sehingga ke akar umbi khususnya di kalangan belia di Kuching, Sarawak. Lee Yok Fee (2009) menyatakan bahawa masyarakat Malaysia boleh mencapai perpaduan tetapi integrasi masih jauh untuk dicapai. Pengkaji menyangkal pendapat Lee Yok Fee (2009) kerana untuk mencapai perpaduan bukanlah dengan kerja satu hari, tetapi harus bekerja secara berterusan dalam mengekalkan hubungan dan keharmonian rakyat keseluruhannya. Secara keseluruhannya, masyarakat khususnya golongan belia secara umumnya masih lagi berkawan antara kaum masing-masing. Namun dengan ledakan teknologi maklumat yang memainkan peranan utama masa kini, golongan belia dilihat lebih kehadapan dan mudah terjerat dengan anasir-anasir yang kurang sihat oleh segelintir individu dan kumpulan berkepentingan yang akhirnya akan menjaskan keharmonian kaum di Negara ini. Sehubungan dengan itu, peranan agensi kerajaan adalah penting dalam menyebarkan dasar-dasar kerajaan dengan cara yang lebih komprehensif tertakluk kepada kehendak golongan belia masa kini. Diharap kajian ini akan dapat melihat sejauhmana kebenaran pendapat Lee Yok Fee (2009) dengan menggunakan dasar baru kerajaan ini melalui G1M adakah perpaduan dan integrasi nasional berjaya dilaksanakan.

Selain itu, G1M juga dilihat tempang kerana masyarakat peribumi di Sabah dan Sarawak kelihatan terpingir lantaran keghairahan penumpuannya hanya di Semenanjung

Malaysia. Menurut Sabihah dan Yusuf (2002), Sabah dan Sarawak sering dikaitkan dengan isu ‘pembangunan tempang’, ‘terpinggir’ dan ‘tersisih’ daripada agenda pembangunan nasional Malaysia. Mengapa persepsi sedemikian wujud, sedangkan kerajaan telah mengambil berbagai pendekatan agar semua masyarakat hingga ke akar umbi menerima maklumat mengenai dasar kerajaan dengan tepat dan jelas. Apakah agensi-agensi kerajaan tidak berfungsi dengan sebaiknya? Kemanakah wakil-wakil rakyat sebagai pemimpin yang seharusnya melaksanakan amanah dan tanggungjawab untuk menyampaikan dasar-dasar kerajaan dengan berkesan kepada rakyat hingga ke akar umbi? Ini yang sepatutnya dilaksanakan agar segenap lapisan rakyat tidak rasa terpinggir antara satu sama lain. Oleh yang demikian, kajian ini akan cuba melihat keterompongan yang berlaku dalam persoalan tersebut dengan memberi fokus kepada pemahaman, persepsi dan penerimaan serta keterlibatan belia di Kuching, Sarawak terhadap G1M dan akan melihat sejauh mana kebenaran kenyataan Sabihah dan Yusuf (2002).

G1M juga dilihat tidak akan mencapai matlamat sekiranya golongan belia tidak memahaminya. Golongan belia merupakan asset penting sebagai bakal pemimpin dan generasi yang akan meneraju masa depan negara nanti. Menurut Sarjit dan Charanjit (2010) terdapat tanggapan awal dalam blog dan media massa yang menyamakan G1M dengan ‘Malaysian Malaysia’ yang pernah dipopularkan oleh Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew. Pada pendapat pengkaji, jika tanggapan sedemikian sentiasa dipermainkan media, G1M akan dilihat gagal? Sehubungan dengan itu, kerajaan seharusnya mengambil pendekatan yang lebih serius menangkis kenyataan yang menyamakan G1M dengan ‘Malaysian Malaysia’ itu supaya perkara sedemikian tidak mempengaruhi minda masyarakat belia Malaysia. Permasalahannya, sejauh manakah kerajaan melihat keseriusan perkara ini terutama kenyataan-kenyataan yang boleh menjelaskan persepsi golongan belia khususnya di Kuching, Sarawak terhadap kerajaan? Pengkaji melihat, dengan kepelbagaiannya etnik yang terdapat di Sarawak, ditambah dengan kedudukan geografinya, bukan satu perkara yang mudah untuk menyampaikan dasar-dasar kerajaan hingga ke akar umbi. Tetapi bukan sukar untuk melaksanakan jika usaha yang dibuat itu sentiasa dilaksanakan secara berterusan. Oleh itu pengkaji berharap, penilaian tahap kefahaman belia di Kuching, Sarawak terhadap G1M akan menjadi kayu ukur dan menentukan sejauh mana pengetahuan belia di Sarawak terhadap G1M.

Untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan dalam sesuatu aspirasi dan halatuju negara, perpaduan merupakan antara intipati utama dalam konsep G1M. Perpaduan merupakan formula terbaik bagi merealisasikan aspirasi negara dimana keterlibatan rakyat secara keseluruhannya tanpa mengira agama dan bangsa bersama-sama berpegang kepada tanggungjawab sosial dan ini seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Malaysia. Ruhanie (2005) menyatakan elemen negatif yang disalurkan menerusi neoimperialisme budaya secara tidak langsung mempengaruhi sikap, persepsi dan perilaku terhadap budaya barat. Manakala Turiman *et. al.* (2008) pula menyatakan bahawa menghayati G1M dapat meningkatkan rakyat daripada menyentuh perkara sensitif yang seharusnya tidak perlu disentuh. Pengkaji bersetuju dengan pendapat Ruhanie (2005) dan Turiman *et. al.* (2008) dengan golongan belia seharusnya perlu diberi penekanan penting memandangkan kesensitiviti di kalangan belia boleh mencorakkan pandangan yang boleh mengundang masalah di kemudian hari dalam usaha memantapkan golongan belia sebagai penyambung pimpinan Negara khususnya belia di Sarawak. Sehubungan dengan itu kajian mengenai sejauh mana golongan belia di Kuching, Sarawak menghayati dan terlibat dengan G1M akan cuba merungkai

keberkesanan agensi kerajaan dalam menyampaikan mesej kepada masyarakat di bawah khususnya golongan belia di Sarawak.

Pelbagai program telah dan sentiasa dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan semangat cintakan negara dalam kalangan generasi belia. Antaranya Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) merupakan satu usaha kerajaan mempertingkatkan perpaduan, selain menanam semangat patriotisme. 1Malaysia dilihat sebagai kesinambungan kepada usaha gigih kerajaan membina negara bangsa mengikut acuan Malaysia. Turiman Suandi (2009) menyatakan sekiranya generasi yang ada pada masa ini gagal menyediakan barisan pelapis untuk modal insan yang berkualiti, maka akan pincang atau hancurlah sesebuah negara pada masa akan datang. Sehingga kajian ini dijalankan, masih belum ada satu kajian ilmiah dijalankan untuk meninjau pemahaman dan persepsi serta keterlibatan belia dalam menyahut semangat G1M di Sarawak. Oleh sebab itu, kefahaman dan penerimaan yang mendalam terhadap G1M amat penting untuk memastikan barisan pelapis untuk modal insan yang berkualiti dalam usaha mengekalkan keamanan serta keharmonian negara. Semua rakyat khususnya golongan belia hendaklah mendukung cita-cita untuk membentuk satu bangsa dan negara di mana setiap masyarakat menganggap diri sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan dan kepercayaan masing-masing (Ahmad Zaharuddin Sani, 2009). Sehubungan dengan itu, diharapkan kajian ini dapat dijalankan bagi melihat sejauh mana belia di Kuching, Sarawak memahami dan menerima G1M dalam usaha membentuk jatidiri yang utuh dalam memperkasakan perpaduan nasional.

G1M merupakan kesinambungan daripada agenda negara sebelum ini dalam mencapai status negara maju melalui Wawasan 2020. Merujuk kepada *Booklet 1Malaysia* (2010), G1M ini agak berbeza daripada konsep asimilasi yang telah diamalkan oleh negara-negara lain yang pada kebiasaannya akan cuba melenyapkan identiti etnik lain kepada satu identiti nasional yang sama. G1M dilihat lebih menghargai dan menghormati identiti etnik berlandaskan prinsip Perlembagaan Persekutuan yang menekankan sikap penerimaan budaya setiap etnik dalam kalangan rakyat berbilang etnik. Menurut *Booklet 1Malaysia* (2010), G1M juga membela nasib semua etnik berlandaskan prinsip keadilan yang mana tidak ada mana-mana pihak akan dipinggirkan malah ia akan mendapat keadilan tanpa mengira taraf kemajuan etnik lain pada tahap yang berbeza-beza. Dengan kepelbagai etnik yang terdapat di Sarawak itu, kajian ini diharap dapat melihat sejauh mana etnik belia di Kuching, Sarawak dapat memahami dan terlibat dalam program G1M yang dilaksanakan oleh agensi yang berwajib sebagai usaha menghargai dan menghormati kepelbagai etnik yang terdapat di Sarawak di samping pengukuhan perpaduan nasional.

Selain itu, G1M juga merupakan satu agenda sebagai penerus dalam membina negara melalui perpaduan yang menekankan kepada sikap penerimaan antara etnik di Malaysia. Ahmad Zaharuddin Sani (2009) menyatakan perpaduan antara pelbagai bangsa dan etnik merupakan agenda paling utama kerajaan dan masyarakat. Dalam sejarah negara-bangsa Malaysia, perpaduan merupakan salah satu isu yang paling penting dalam pembentukannya. Namun dengan kepelbagai etnik yang terdapat di Sarawak, ia dilihat sebagai model perpaduan bangsa di Malaysia. Namun sejauh mana ia boleh bertahan dalam era globalisasi yang makin mencabar hari ini. Oleh itu, adakah G1M yang dibawa ini mampu menarik semua belia pelbagai etnik di Sarawak menerima secara positif setiap dasar kerajaan sebagai penyatuan nasional? Maka kajian yang dijalankan ini akan dapat melihat sejauh manakah belia di Kuching, Sarawak

menerima G1M sebagai satu dasar yang mampu menyatupadukan masyarakat dan membuktikan G1M itu berjaya.

Semenjak G1M diperkenalkan, pelbagai agensi kerajaan melaksanakan program 1Malaysia dengan tujuan memperkenalkan dasar baru kerajaan itu. Tidak ketinggalan Kementerian Belia dan Sukan sebagai Kementerian yang menjaga khusus golongan belia di Malaysia. Namun sejauh mana Kementerian ini memainkan peranan untuk memperkemas dan memperkasakan golongan belia ini tentang G1M tetap kabur lantaran kesibukan kepada pembangunan sukan semata-mata. Seolah-olah ‘belia untuk sukan dan sukan untuk belia’. Akhirnya golongan belia terus hanyut dan tenggelam dengan dasar kerajaan itu. Apatah lagi dengan kedudukan belia di Sarawak yang bertebaran dengan geografinya yang begitu mencabar. Tidak dinafikan Sarawak juga tidak ketinggalan dalam memperkasakan sukan negara di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Namun, adakah sasaran Kementerian Belia dan Sukan telah menyampaikan G1M itu menyeluruh kepada belia di Kuching, Sarawak khususnya? Sehubungan dengan itu, kerajaan perlu meneliti dengan sewajarnya apakah pendekatan terbaik untuk menyampaikan masej kepada masyarakat akar umbi. Azimi Hamzah, Turiman Suandi & Ezhar Taman (2002) menyatakan belia mampu bertindak sebagai agen perpaduan dan pembangunan sekiranya mendapat sokongan dan bantuan berterusan daripada kerajaan. Sarjit & Wan Amir Zal (2008) menyatakan bahawa persepsi mempunyai pengaruh yang besar dalam menentukan tingkah laku individu dan masyarakat. Pengkaji amat bersetuju dengan pendapat Azizi *et. al* (2002) dan Sarjit & Wan Amir (2008). Dengan yang demikian, satu kajian perlu dilaksanakan bagi melihat sejauh mana belia di Kuching, Sarawak benar-benar berpengetahuan terhadap G1M walaupun Sarawak dianggap sebagai model perpaduan di negara.

Di samping itu, tidak dinafikan pihak kerajaan juga menggunakan jenama 1Malaysia sebagai ‘*trade mark*’, contohnya BR1M, KR1M, Kedai 1M, Klinik 1M dan sebagainya yang secara tidak langsung memperkenalkan dasar kerajaan G1M kepada seluruh rakyat Malaysia. Namun, muthakhir ini masyarakat marhain melihat 1Malaysia hanya sebagai produk. Di sinilah timbul kekeliruan masyarakat terhadap G1M. Menurut Ma’rof (2009), seseorang akan cuba memahami, menilai dan menerangkan maklumat yang diperolehi melalui proses atribusi sosial. Disamping itu Amini Amir Abdullah *et.al.* (2014) dalam hasil kajiannya mengenai G1M dan Penggunaan Media Dalam Kalangan Belia menyatakan bahawa tidak dapat dinafikan bahawa para belia masih tidak faham secara mendalam atau kurang jelas mengenai gagasan yang penting ini. Di sini dapat dibuktikan bahawa promosi masih lagi lemah dalam usaha kerajaan menyampaikan dasar-dasar baru kerajaan kepada masyarakat marhain. Dimanakah peranan Kementerian Penerangan sebagai badan yang bertanggungjawab menyampaikan dasar-dasar kerajaan kepada rakyat khususnya Sarawak. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilihat perlu dijalankan untuk mengenalpasti kefahaman dan keterlibatan belia terhadap G1M dalam usaha mempertingkatkan semangat perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat Malaysia khasnya komuniti belia di Kuching, Sarawak.

1.3 Persoalan Kajian

Hasil daripada penyataan masalah di atas, maka secara ringkasnya terdapat tiga persoalan penting yang terdapat dalam kajian ini:

1. Apakah tahap pemahaman, persepsi, penerimaan dan penglibatan belia di Kuching, Sarawak terhadap Gagasan 1Malaysia?
2. Adakah terdapat perbezaan tahap penglibatan belia di Kuching, Sarawak terhadap Gagasan 1Malaysia berdasarkan latar belakang etnik?
3. Sejauh manakah perbezaan tahap penglibatan belia dalam program G1M mengikut faktor jantina dan agama?

1.4 Objektif Kajian

Bahagian ini memerihalkan tentang objektif umum dan objektif khusus tentang kajian ini yang menjadi landasan kepada dapatan kajian.

1.4.1 Objektif Umum

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pengetahuan dan penglibatan belia di Kuching, Sarawak terhadap G1M. Tahap yang diukur adalah berdasarkan pernyataan masalah yang asas mengenai G1M sahaja. Di samping itu, kajian ini juga akan menentukan perbezaan tahap penglibatan golongan belia dalam program G1M berdasarkan latar belakang etnik responden. Sementara itu, kaji ini juga turut mengenal pasti sejauh manakah perbezaan tahap penglibatan belia terhadap G1M mengikut faktor jantina dan agama.

1.4.2 Objektif Khusus

1. Mengenal pasti tahap pengetahuan dan penglibatan golongan belia di Kuching, Sarawak terhadap G1M;
2. Menentukan perbezaan tahap penglibatan golongan belia di Kuching, Sarawak dalam program dan aktiviti G1M berdasarkan latar belakang etnik; dan
3. Mengenal pasti perbezaan tahap penglibatan golongan belia terhadap G1M mengikut faktor jantina dan agama.

1.5 Gagasan 1Malaysia

Penjelasan mengenai G1M ini tidak lengkap jika tidak meneliti berdasarkan *Booklet 1Malaysia* (2010). Berdasarkan *Booklet 1Malaysia*, 1Malaysia merupakan satu gagasan bagi memupuk perpaduan kalangan rakyat Malaysia yang berbilang etnik, berteraskan nilai-nilai penting yang menjadi tunjang kepada amalan setiap anggota masyarakat. G1M ini tidak terpisah dan berlainan dari dasar-dasar kerajaan Barisan Nasional sebelum ini, sebaliknya ia merupakan pelengkap kepada pendekatan-pendekatan yang sedia ada untuk mengukuhkan dan menjamin kestabilan bagi mencapai kemajuan dan pembangunan yang lebih baik untuk rakyat dan negara Malaysia.

G1M menekankan kepada asas prinsip keadilan untuk semua etnik di mana nasib semua etnik akan terbela dan tiada mana-mana pihak akan dipingirkan. Keadilan ini mengambil kira taraf kemajuan etnik-etnik lain yang berada pada tahap yang berbeza. Oleh itu, dasar-dasar kerajaan dan peruntukan Perlembagaan Persekutuan memberikan pembelaan kepada golongan yang memerlukan. Selain itu, G1M juga adalah penerus agenda membina negara yang mana bagi mencapai kemajuan negara, rakyat seharusnya perlu dimajukan terlebih dahulu, dan ini dimulakan dengan membentuk sikap penerimaan antara etnik yang boleh membawa perpaduan yang utuh. Apabila

perpaduan yang utuh dicapai, maka urusan pembangunan negara akan berjalan dengan lebih lancar (*Booklet 1Malaysia*, 2010).

Berdasarkan *Booklet 1Malaysia* (2010), G1M ini digagaskan berlandaskan dua aspek utama, iaitu penerapan teras perpaduan dan penerapan nilai-nilai aspirasi. Penerapan teras perpaduan adalah menerapkan teras tersebut sebagai budaya dan amalan semua rakyat berbilang etnik. Teras perpaduan ini didokongi oleh nilai-nilai murni yang mendasari cara hidup rakyat Malaysia. Manakala nilai-nilai aspirasi yang digagaskan dalam G1M ini perlu ada pada masyarakat progresif dan dinamik yang akan memacu negara ke arah mencapai status negara maju menjelang 2020. Nilai-nilai aspirasi ini akan membantu dalam mewujudkan tenaga kerja yang berdaya maju dan mampu bersaing dalam persekitaran global dan secara tidak langsung membantu melonjakkan kedudukan ekonomi negara ke tahap yang lebih kukuh dan mantap.

Melalui pengertian mengenai G1M ini dapat memperihalkan bahawa G1M ini adalah kesinambungan daripada penerusan hala tuju negara bagi mencapai status negara maju seperti mana yang diilhamkan melalui Wawasan 2020 oleh mantan Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohamad. Beliau telah meletakkan syarat utama bagi sesebuah negara yang menginginkan status negara maju perlu mengukuhkan ketabahan perpaduan etnik terlebih dahulu. Merujuk kepada *Booklet 1Malaysia*, G1M ini amat berbeza dari konsep asimilasi yang diamalkan oleh negara lain yang melenyapkan identiti etnik lain dan digantikan dalam satu identiti nasional yang sama. Sebaliknya, G1M ini menghargai dan menghormati prinsip Perlembagaan Persekutuan dengan mengekalkan identiti etnik setiap etnik dengan menekankan sikap penerimaan budaya setiap etnik dalam kalangan rakyat yang berbilang etnik.

1.6 Wawasan 2020

Gagasan 1Malaysia diwujudkan bagi mendasari pencapaian Negara berstatus Negara maju melalui Wawasan 2020. Sehubungan dengan itu wajarlah Dasar Wawasan 2020 ini dikaitkan dalam kajian ini berdasarkan pada kebenaran kepada terwujudnya Gagasan 1Malaysia ini. Dasar Wawasan 2020 yang telah diperkenalkan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad pada 28 Februari 1991, sewaktu persidangan Majlis Perdagangan Malaysia di mana beliau telah membentangkan satu kertas kerja yang bertajuk “*Malaysia – The Way Forward*”. Apakah maksud sebenar wawasan dan bagaimana wawasan dapat membantu dalam pembangunan Malaysia? Wawasan merupakan satu panduan yang menetapkan satu sasaran yang baik dan adil akan meliputi aspek berkaitan dengan pembangunan Negara dalam hubungan dengan perkembangan ekonomi dunia secara keseluruhannya serta seharusnya jelas dan diterima umum untuk memastikan Negara sentiasa maju ke hadapan. Arah tujuan, matlamat, strategi, jangkamasa dan pencapaian sesebuah Negara akan berlandaskan wawasan yang telah ditetapkan (PPM, 2009). Negara tanpa wawasan adalah seperti kapal tiada nakhoda yang mana kapal akan dibawa belayar tanpa sebarang petunjuk, peta, kompas dan hanya menunggu masa untuk sesat dan karam.

Matlamat Wawasan 2020 ialah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara yang benar-benar maju dari segi ekonomi, sosial, kerohanian dan kebudayaan menjelang tahun 2020. Ini bermaksud, langkah untuk mencapai Wawasan 2020 dan menjadikan Malaysia sebagai Negara Maju, seseorang itu harus memahami, tahu dan melengkapi diri dengan pengetahuan mengenai sembilan cabaran Wawasan 2020. Sukar untuk membezakan cabaran ekonomi dan bukan ekonomi. Dari Sembilan

cabaran jelas cabaran yang lebih besar ialah cabaran bukan ekonomi. Cabaran yang lebih ketara adalah cabaran politik, sosial, psikologi dan budaya (PPM, 2009).

Wawasan 2020 boleh dicapai jika ‘tapak’ atau rakyat negara ini telah menjadi kukuh dan utuh. Dengan itu segala pencapaian atau pembangunan boleh dilakukan dengan senangnya kerana rakyatnya sedia menerima apa jua cabaran pada masa depan. Menjelang tahun 2020, Malaysia akan dapat menjadi sebuah negara yang bersatu, di mana rakyatnya sentiasa yakin dan mempunyai nilai moral serta etika yang kukuh. Masyarakat Malaysia juga akan sentiasa hidup dalam suasana demokratik, liberal, bertolak ansur dan penyayang. Dengan mewujudkan suatu lapisan masyarakat Malaysia yang berakhhlak tinggi, maka kejayaan dan pembangunan yang mantap serta utuh dapat dicapai menjelang tahun 2020 dan juga pada masa hadapan. Pengakaji melihat, sejauh manakah harapan ini akan berlaku seperti mana yang tercatat di dada kertas? Bagaimana tentang kedudukan etnik belia sebagai penerus agenda kerajaan? Ini semua harus dilihat dan diteliti akan keperluan semasa. Pembangunan belia sentiasa dilihat terpinggir dek mengejar status negara maju dengan berfokus kepada ekonomi. Namun sahsiah diri bagi mencerminkan keperibadian terketinggalan kebelakang ibarat kata pepatah “kera dihutan disusukan, anak dirumah ditinggalkan”.

1.7 Pembangunan Belia

Terdapat juga kecelaruan kefahaman dalam masyarakat berkenaan dengan pembangunan belia. Kebanyakan menyatakan pembangunan belia hanya melalui program-program formal sahaja. Kebenarannya, tidak ada satu cara yang khusus dalam membentuk pembangunan belia. Ini kerana pembangunan belia boleh berlaku di mana sahaja seperti dalam keluarga, komuniti serta dalam kalangan rakan-rakan. Murphy (1995) menyatakan pemangkin kepada pembangunan ini juga tidak termaktub kepada orang dewasa sahaja. Pembangunan belia juga merupakan satu proses berterusan penglibatan belia dalam meraih sesuatu kelebihan atau kehendak asas fizikal dan sosial supaya mereka boleh bersaing dan berjaya di masa hadapan. Sikap, keyakinan diri, komitmen dan karakter merupakan indikator-indikator umum yang menggambarkan sikap dan sifat mereka selepas melalui sesuatu proses pembangunan belia (Glenda Partee, 2002).

Terdapat dua faktor dalam mendefinisikan pembangunan belia iaitu faktor dalaman dan luaran. Faktor dalaman atau dikenali sebagai '*Resiliency Factor*' mempunyai kelebihan kognitif, daya membayangkan sesuatu atau kreativiti, personaliti yang kuat, mempunyai naluri untuk mencari sesuatu atau menuju ke sesuatu, berkeupayaan untuk meletakkan matlamat dan mencapainya, membentuk hubungan positif serta mempunyai nilai-nilai spiritual. Manakala faktor luaran atau dikenali sebagai '*Environmental Protective Factors*' merupakan faktor keadaan sekeliling seseorang individu seperti keluarga, sekolah dan komuniti. Faktor luaran yang berbeza akan mempengaruhi proses pembangunan belia yang berbeza (Furstenberg *et. al.*, 1999).

Pembangunan belia juga boleh didefinisikan sebagai membuat sesuatu dengan niat memenuhi kehendak belia dan membentuk belia yang kompeten agar mereka mampu untuk menjadi generasi dewasa yang berjaya. Tidak melihat belia sebagai suatu masalah, malah melihat belia sebagai satu sumber yang penting membentuk mereka berdasarkan kelebihan dan kemahiran mereka dalam komuniti mereka sendiri. Belia mesti mencapai sikap, sifat dan kemahiran yang ditetapkan dikategorikan sebagai berjaya (Sagawa, 1998; Scales & Leffert, 1999).

Baines & Selta (1999) mendefiniskan pembangunan belia sebagai suatu proses berasaskan di mana belia melibatkan diri dalam membentuk kemahiran, pengetahuan dan mendapatkan pengalaman dalam mempersiapkan diri sebagai belia yang unggul masa kini dan hadapan. Proses pembangunan belia lebih menyeluruh jika golongan dewasa turut membantu dan memantau mereka supaya hasil yang diperolehi lebih positif (Wasitah, 2012).

1.8 Pembangunan Belia di Malaysia

Pengkaji berpendapat, adalah rugi jika pembangunan belia tidak dilibatkan dalam kajian terutama tentang definisi pembangunan belia itu sendiri. Ini kerana dengan melihat kepada kemajuan pembangunan belia, maka dapatlah kita menilai sejauh mana pembangunan belia itu dengan berlandaskan objektif daripada dapatan hasil kajian yang akan diperolehi nanti.

Jika dilihat kepada kesungguhan kerajaan membangunkan belia tidak boleh dinafikan lagi. Selain daripada merancang dan melaksanakan pelbagai program untuk pembangunan belia, kerajaan juga turut menggubal pelbagai akta bagi memastikan belia mampu menjadi modal insan yang berkesan bagi negara. Azimi Hamzah, Turiman Suandi & Ezhar Taman (2002) menyatakan secara khususnya, pihak kerajaan telah menggubal dasar untuk memastikan belia dibangunkan dengan berkesan dan menyeluruh. Berdasarkan Dasar Pembangunan Belia telah menggariskan dengan jelas matlamat yang perlu dicapai iaitu:

“Mewujudkan belia Malaysia yang mewakili peribadi yang bersepadu dari segi rohaniah, akliah dan jasmaniah, bertanggungjawab, berdikari, bersemangat sukarela dan patriotik serta menjadi penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran bangsa, agama dan negara selaras dengan Wawasan 2020”.

Faktor nilai budaya sentiasa ditekankan dalam pembangunan belia iaitu pemilikan peribadi yang bersepadu dalam aspek rohaniah, akliah dan nilai murni. Bukan setakat pembangunan yang menjurus kepada pembangunan individu semata-mata, tetapi pembangunan yang boleh memberi manfaat kepada dunia sekeliling melalui pendekatan Gagasan 1Malaysia yang perlu diambil peluang oleh para golongan belia. Dengan pembangunan belia yang berkesan dan bertepatan dengan nilai belia akan mengeluarkan hasil yang memberi faedah kepada bangsa, agama dan negara. Malah mereka juga akan menjadi agen kepada Gagasan 1Malaysia yang berkesan. Azimi Hamzah, Turiman Suandi & Ezhar Taman (2002) menyatakan belia mampu bertindak sebagai agen perpaduan dan pembangunan sekiranya mendapat sokongan dan bantuan berterusan daripada kerajaan.

Maka, secara keseluruhannya, sepanjang hasil pembacaan penyelidik, masih belum terdapat kajian yang mengukur pemahaman, persepsi dan penerimaan belia di Sarawak terhadap G1M ini. Walaupun telah ada penyelidikan mengenai G1M di Semenanjung Malaysia (Ayuni, 2013) dan Sabah (Rahimi, 2013), namun kekuatan itu tidak mencakupi keseluruhan Malaysia khususnya bagi komuniti belia di Sarawak.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan mengupas pengetahuan (pemahaman, persepsi, penerimaan) dan penglibatan golongan belia khususnya di Kuching, Sarawak terhadap G1M. Menjelang tahun 2020, wawasan negara bukan sahaja bermatlamat mencapai negara maju dari segi fizikal tetapi juga mementingkan aspek kerohanian dan perpaduan nasional. Malaysia perlu membangun dan bersaing dalam konteks globalisasi dan liberalisasi perdagangan. Bagi mencapai matlamat tersebut penglibatan belia amat diperlukan. Justeru itu, penglibatan belia adalah kritikal sebagai pemacu utama dalam menyumbang bakat dan kebolehan untuk menyokong keperluan sumber manusia dalam pembangunan ekonomi negara (Malaysia, 2010).

Menjelang tahun 2020 dianggarkan komposisi belia akan mencakupi lebih daripada 60 peratus daripada keseluruhan penduduk Malaysia (*Arena*, 2005). Kedudukan ini menjadikan belia sebagai penentu kepada pembangunan negara dari aspek ekonomi, politik dan sosial. Berdasarkan senario kini, apakah belia sudah bersedia mendukung dan merealisasikan hasrat murni kerajaan ke arah meningkatkan semangat perpaduan melalui G1M?

Realitinya, sejak kebelakangan ini generasi muda dilanda pelbagai krisis moral dan nilai sehingga memberi kesan kepada pembangunan modal insan. Belia lebih cenderung untuk terlibat dalam pelbagai bentuk gejala sosial yang memberi kesan besar kepada diri mereka sendiri dan negara. Menurut Turiman *et. al.* (2008b), belia terlibat dalam penyalahgunaan dadah, pelacuran, perjudian, alkohol, rokok, lepak dan sebagainya. Permasalahan tersebut sudah tentu membantutkan usaha murni mencapai Wawasan 2020 dalam konteks perpaduan nasional.

Sungguhpun belia Malaysia dinobatkan sebagai bakal pewaris dan peneraju tonggak negara, namun keterlibatan belia dalam budaya negatif sering mendapat liputan media massa sebagai generasi yang tidak bersedia untuk merealisasikan aspirasi negara. Persoalananya, sejauh manakah belia Malaysia memahami dan menerima G1M? Oleh sebab itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pemahaman, persepsi, penerimaan dan penglibatan belia dari Kuching, Sarawak mengenai G1M. Mengapakah belia sering dilabel umum memandang sepi gagasan murni ini? Apa yang pasti tanggungjawab untuk mencapai hasrat tersebut terletak dibahu mereka. Belia perlu memainkan peranan secara proaktif sebagai rakan kongsi dalam pembangunan secara berterusan bagi menyambung usaha pembangunan ke arah mencapai Wawasan 2020 (Turiman *et. al.*, 2008a).

Dalam kajian ini, pengkaji akan melihat sama ada G1M ini dapat memberi atau merangsang anggota masyarakat terutamanya golongan belia sebagai pewaris komuniti yang berpotensi dalam usaha menggalas cabaran dan sebagai penerus kepada agenda negara bagi mencapai status negara maju. Oleh itu, dengan meneliti kepada jumlah dan kekerapan penyertaan golongan belia terhadap setiap program yang bertemakan G1M ini, ia akan dapat mengukur sama ada program yang diadakan itu dapat membantu atau tidak dalam aspek pembangunan komuniti. Ataupun ia hanya menjadi satu retorik semata-mata dan tidak membantu ahli komuniti terutama golongan belia kerana kurangnya penglibatan mereka dalam program G1M.

1.10 Definisi Istilah

Bahagian ini akan memperjelaskan definisi istilah untuk pengetahuan yang merangkumi pemahaman, persepsi dan penerimaan; penglibatan dan belia.

1.10.1 Pengetahuan

Definisi Konseptual: Pengetahuan menurut Soerjono Soekanto adalah kesan di dalam fikiran manusia sebagai hasil penggunaan akalnya, yang berbeza dengan kepercayaan tahu dan penerangan-penerangan yang keliru.

Definisi Operasional: Pengetahuan adalah lebih mengetahui dan mendalamai segala segi kehidupan, kerana pengetahuan timbul disebabkan oleh adanya hasrat ingin tahu dalam diri manusia dan tidak terkecuali di kalangan golongan belia. Manusia atau individu adalah makhluk sosial yang selalu berinteraksi dengan orang lain sehingga dalam hal ini, ilmu pengetahuan sangat diperlukan untuk belajar memahami, persepsi dan menerima hubungan antara manusia atau pengendalian sesuatu program. Pengetahuan belia mengenai G1M dapat diukur melalui borang soal selidik yang akan mengukur kepada skor pemahaman, persepsi dan penerimaan. Melalui skor tinggi terhadap pemahaman, persepsi yang positif terhadap persepsi dan skor yang tinggi terhadap penerimaan akan membuktikan pengetahuan belia terhadap G1M di Kuching, Sarawak adalah di tahap yang amat memuaskan. Jika sebaliknya skor yang diperolehi akan memperlihatkan pengetahuan golongan belia terhadap G1M di Kuching, Sarawak adalah di tahap yang sederhana atau rendah.

i. Pemahaman

Definisi Konseptual: Pemahaman adalah pembinaan gambaran mental dan mewakili keadaan yang dianggap sebagai kognitif (Mondada, 2011).

Definisi Operasional: Pemahaman belia sama ada memahami atau tidak tentang apa yang terkandung dalam G1M melalui visi dan asas dalam gagasan ini. Penentuan pemahaman adalah berdasarkan skor yang tinggi dianggap mempunyai pemahaman yang tinggi. Manakala responden yang mendapat skor yang rendah dianggap mempunyai tahap pemahaman yang rendah.

ii. Persepsi

Definisi Konseptual: Persepsi adalah kesedaran dan reaksi individu terhadap rangsangan (Ma'arof Redzuan & Haslinda, 2008).

Definisi Operasional: Persepsi belia mengenai apa yang diketahuinya terhadap keseluruhan pelaksanaan Gagasan 1Malaysia melalui pandangan dan pengetahuan dalam diri mereka sama ada memberi faedah atau sebaliknya. Penentuan persepsi ini berdasarkan skor daptatan responden melalui borang soal selidik. Responden yang mendapat skor yang tinggi dianggap mempunyai persepsi yang positif dan responden yang mendapat skor yang rendah dianggap mempunyai persepsi yang negatif.

iii. Penerimaan

Definisi Konseptual: Penerimaan ialah memperlihatkan perlakuan yang positif menerima sepenuhnya sesuatu perkara dengan hati yang ikhlas tanpa ada unsur paksaan (*Booklet 1Malaysia*, 2010).

Definisi Operasional: Penerimaan ini adalah melihat kepada sambutan dan penghargaan belia terhadap kesan dan faedah daripada perlaksanaan G1M kepada masyarakat dari pelbagai aspek pembangunan. Penentuan tahap penerimaan ini ditentukan oleh dapatan soal selidik, di mana responden yang mendapat skor yang rendah dianggap tahap penerimaan rendah dan sebaliknya yang mendapat skor tinggi dianggap tahap penerimaan yang tinggi.

1.10.2 Penglibatan

Definisi Konseptual: Penglibatan merupakan satu bentuk tingkah laku seperti penglibatan komuniti atau mengambil inisiatif dengan menyertai apa jua rancangan, program atau aktiviti yang bertujuan membawa perubahan kearah peningkatan kualiti hidup yang lebih baik (Sara Shakila & Asnarulkhadi, 2011).

Definisi Operasional: Penglibatan yang dimaksudkan ini adalah penglibatan belia terhadap program G1M. Tahap penglibatan ini diukur berdasarkan soal selidik yang dikemukakan dan perolehan skor tersebut yang menentukan tahap penglibatan belia tersebut. Semakin tinggi skor yang diperolehi, tinggilah tahap penglibatan dan sebaliknya mendapat skor rendah, maka dianggap penglibatannya juga rendah.

1.10.3 Belia

Definisi Konseptual: Terdapat perbezaan dari segi umur mengenai definisi remaja di mana sesetengah sarjana berpendapat zaman remaja bermula dari 10 tahun hingga 19 tahun manakala terdapat pandangan lain yang menyatakan bahawa remaja adalah pada usia 13 hingga 21 tahun (Marshall, 2000). Takrif belia menurut Kementerian Belia dan Sukan, Malaysia dalam kertas kerja “Cadangan Dasar Pembangunan Belia Negara” (1995), belia ialah orang yang berumur antara 15 hingga 40 tahun dengan alasan-alasan berikut:

1. Ia adalah takrif Majlis Belia Malaysia 1985.
2. Ia dianggap golongan yang sudah mencapai taraf matang yang memuaskan dan dapat menerima manfaat maksimum daripada rancangan-rancangan yang disusun.
3. Ia adalah sebahagian besar daripada jumlah rakyat negara ini. Apa-apa usaha bagi membina masyarakat, meninggalkan kesan secara menyeluruh.

Walaupun pelbagai interpretasi dikemukakan apabila membincangkan isu belia, definisi yang diberikan oleh Kementerian Belia dan Sukan dijadikan fokus yang dibincangkan dalam kajian ini bagi mengikut ketetapan masyarakat iaitu lingkungan umur 15-40. (Dipetik daripada: Petikan Bab 1, buku *Menjadi Belia Cemerlang* oleh Muhamad Ismail Mustari). Kekuatan definisi ini dikuatkan lagi dengan pandangan Asnarulkhadi (2009) yang mentafsirkan konsep golongan belia di Malaysia merujuk kepada mereka yang berumur 15-40 tahun dan terdapatnya perbezaan fizikal, kognitif dan emosi dalam kalangan kategori pelbagai umur belia.

Definisi Operasional: Belia yang dirujuk dalam kajian ini adalah yang terdiri daripada lingkungan umur 18-40 tahun yang terdiri daripada pelbagai etnik di lokasi terpilih di Kuching, Sarawak.

1.11 Limitasi Kajian

Kajian ini hanya meliputi pemboleh ubah terpilih sahaja. Kajian hanya terbatas dari segi perkaitan antara pemboleh ubah latarbelakang (umur, jantina, etnik, agama, tahap pendidikan, pekerjaan, pendapatan dan status perkahwinan) yang dilihat sebagai pemboleh ubah yang bersesuaian dengan kajian ini selain dengan pemboleh ubah penerimaan, persepsi dan pemahaman.

Responden yang dipilih dalam kajian ini terdiri daripada belia di sekitar bandar Kuching, Sarawak yang berumur antara 18-40 tahun. Kajian ini melibatkan suku etnik di Sarawak termasuk tiga suku etnik utama di Malaysia iaitu Melayu, India dan Cina yang telah menetap di Sarawak. Kesahihan hasil kajian juga ditentukan oleh kejujuran dan keikhlasan responden dalam menjawab soalan yang dikemukakan melalui pengedaran borang kaji selidik untuk kajian ini.

1.12 Rangka Konseptual

Daripada penjelasan tentang pernyataan masalah, definisi konseptual dan operasional serta objektif kajian, maka pengkaji telah membentuk satu rangka konsepstual sebagai satu panduan untuk kajian ini. Berdasarkan daripada pemboleh ubah latar belakang, pemboleh ubah pemahaman, pemboleh ubah persepsi, pemboleh ubah penerimaan dan pemboleh ubah penglibatan telah membentuk rangka konseptual kajian ini, rujuk Rajah 1.1.


Dalam kajian ini pemboleh ubah bersandar ialah pemahaman belia tentang G1M. Pemboleh ubah bebas ialah pemboleh ubah latar belakang (umur, jantina, etnik, agama, tahap pendidikan, pekerjaan, pendapatan dan status perkahwinan). Manakala pemboleh ubah persepsi ialah pandangan belia tentang G1M. Pemboleh ubah penerimaan ialah penerimaan belia terhadap G1M, dan pemboleh ubah penglibatan melihat kepada penglibatan belia ke atas program-program yang telah dilaksanakan oleh jabatan atau agensi berkaitan.

Semua pemboleh ubah ini akan dianalisa hubungkaitnya dengan pemahaman etnik belia. Mengkaji latar belakang dengan faktor persepsi dan faktor penerimaan adalah penting kerana latarbelakang individu yang berbagai mungkin mempunyai pemahaman, persepsi dan penerimaan yang berbeza terhadap G1M. Selain itu penglibatan belia terhadap program juga memainkan peranan penting sebagai saluran kerajaan untuk menyebarkan maklumat mengenai G1M.

Begitu juga dengan tahap rendah, sederhana dan tingginya pemahaman belia terhadap G1M di Kuching, Sarawak dipengaruhi oleh kepelbagaiannya latar belakang individu. Dalam rajah konseptual pemboleh ubah faktor pemahaman dan pemboleh ubah persepsi mempengaruhi penerimaan belia di Kuching, Sarawak. Pemboleh ubah persepsi dan pemboleh ubah penerimaan penting dikaji hubungkaitnya dengan pemahaman kerana tahap pemahaman merupakan titik tolak kepada persepsi dan penerimaan belia terhadap G1M. Begitu juga dengan pemboleh ubah penglibatan boleh

dihubungkait dengan dapatan daripada pemahaman, persepsi, penerimaan malah ia juga boleh dikaitkan dengan kepelbagaiannya latar belakang individu tersebut.

Rajah 1.1: Kerangka Konseptual



1.13 Teori Penglibatan Dalam Komuniti

Program pembangunan komuniti merupakan perancangan awal kerajaan sebagai saluran penyampaian maklumat dan pembangunan taraf hidup masyarakat. Ia lebih kepada mata, telinga, kaki dan tangan kerajaan di peringkat komuniti. Tujuan pembangunan ini adalah untuk membantu masyarakat dalam sesebuah komuniti dalam meningkatkan keadaan sosial dan ekonomi mereka. Namun proses pembangunan komuniti ini bukan satu kerja yang mudah. Beberapa proses perlu dilalui dan melalui jangka masa yang agak panjang sebelum dapat mencapai kejayaan.

Berdasarkan Okafar (1982), terdapat sekurang-kurangnya lima tahap yang berbeza dalam proses pembangunan komuniti. Antara proses tersebut ialah:

1. Membina kesedaran secara umum bagi masyarakat supaya yakin kepada pembangunan daripada pihak kerajaan;
2. Perlu menganalisis dan mengenalpasti keperluan sebenar dan punca permasalahan yang dialami oleh masyarakat;
3. Melatih pemimpin yang dipilih secara demokrasi agar projek yang dijalankan lebih telus;
4. Penglibatan orang ramai agar menikmati pembangunan tersebut kerana melalui penglibatan masyarakat sahaja mampu menjadi ukuran kepada kejayaan sesuatu pembangunan; dan
5. Meneguhkan perpaduan dan hubungan dengan kumpulan sokongan.


Konsep penglibatan sering digunakan dalam pembangunan komuniti, Cohen dan Uphoff (1977) menyatakan bahawa penglibatan adalah proses individu terlibat dengan perancangan dan pelaksanaan sesuatu program. Antara bentuk penglibatan yang menjadi ukuran dalam komuniti ialah penglibatan dalam membuat keputusan,

penglibatan dalam pelaksanaan, penglibatan dalam menerima faedah dan penglibatan dalam penilaian.

Oleh itu, dalam kajian ini, GIM dilihat sebagai suatu konsep yang dibentuk untuk memenuhi halatuju pembangunan negara masa kini. Bagi menjayakan pembangunan ini, penglibatan masyarakat amat diharapkan. Bermula daripada menerima faedah hingga menjadi penggerak atau penyumbang idea dalam konsep tersebut. Transformasi yang berlaku dengan memperkenalkan GIM ini di harap dapat menyedarkan masyarakat supaya apa yang diterima harus dinikmati bersama. Maka itu, penglibatan dari segenap lapisan masyarakat dalam setiap program yang dirancangkan amat diharapkan.

1.13.1 Kerangka Teori

Rajah 1.2: Kerangka Teori



Terdapat beberapa teori yang cuba menjelaskan tentang konsep penglibatan individu dalam pembangunan komuniti. Klandermas (1984) telah memperkenalkan Teori Psikologi Pergerakan Masyarakat yang menyatakan bahawa penglibatan anggota masyarakat dalam sesuatu pergerakan sosial dipengaruhi oleh beberapa faktor psikologi dan sosial seperti latar belakang individu, perasaan tidak ingin diketepikan dan tersisih, perasaan tidak puas hati dan fahaman yang dianutti.

Teori ini menjelaskan bahawa penglibatan berlaku disebabkan oleh kesedaran atau minat untuk bergiat dalam sesuatu perubahan. Namun, pendukung teori ini mentafsirkan penglibatan disebabkan dorongan perasaan yang tidak puas hati terhadap sesuatu keputusan. Penglibatan disebabkan kepentingan politik turut menjadi faktor utama kepada anggota masyarakat untuk menyertai sesuatu program yang dilaksanakan.

Menurut Klandermans (1984), penglibatan seseorang individu turut dipengaruhi secara langsung dengan peluang yang disediakan. Apabila wujudnya ruang bagi individu untuk ikut serta, mereka akan lebih kerap terlibat dengan kerelaan dan inisiatif sendiri buat kali berikutnya. Melalui penyertaan bukan paksaan akan membuatkan seseorang individu akan ikut bergiat cergas dalam aktiviti komuniti mereka.

John dan Mayor (1977) dalam Teori Mobilasi Sumber menyatakan bahawa individu terlebih dahulu membuat pertimbangan rasional mengenai kos dan faedah daripada penglibatan mereka sebelum mereka memilih sama ada untuk menyertai ataupun tidak. Penglibatan dalam teori ini tidak dipengaruhi oleh faktor terpaksa tetapi di atas kepentingan diri sendiri untuk mendapat manfaat atau kedudukan dalam sistem sosial (Haris, 2007:29).

Dalam konteks GIM, kefahaman, persepsi dan penerimaan terhadap GIM amat perlu bagi mendapat sambutan masyarakat dan penglibatan yang menyeluruh dalam aspek

transformasi pembangunan negara. Tanggapan yang kurang baik terhadap G1M ini boleh menyebabkan pengurangan penyertaan anggota masyarakat (Haris Abd. Wahab, 2007).

Kenyataan ini bertepatan dengan perspektif McCarthy dan Zald (1997) yang menyatakan terdapat dua komponen dalam teori mobilisasi sumber ini. Pertama mobilisasi dengan persetujuan yang merupakan proses sokongan yang diperolehi melalui pandangan atau pendapat mereka. Teori ini mempunyai kaitan dengan kebaikan bersama, strategi pembangunan, konfrontasi dengan lawan dan pembuatan keputusan. Teori ini menekankan pembangunan sosial yang hendak dilaksanakan memerlukan persetujuan ramai sebelum mencapai matlamat yang ditetapkan. Oleh itu, secara umumnya teori ini cuba mengaitkan tahap penglibatan masyarakat dalam program pembangunan melalui sokongan yang diperolehi. Ia melihat hanya dengan sokongan padu sahaja akan menjanjikan penglibatan yang aktif. Sokongan kekuatan teori ini juga boleh dilihat pandangan daripada Haris Abd Wahab (2007) yang menyatakan kejayaan sesuatu pembangunan hanya diperoleh sekiranya berjaya memperoleh persetujuan daripada orang ramai untuk turut sama.

Kedua, mobilisasi tanpa persetujuan pula merupakan proses agensi pembangunan yang menyarankan atau mengarahkan orang ramai terlibat dalam pembangunan yang dilaksanakan di tempat mereka. Teori ini menyatakan bahawa penglibatan masyarakat dalam program pembangunan berdasarkan dorongan daripada agensi-agensi tertentu. Agensi tersebut akan mendekati serta menarik orang ramai untuk turut serta dalam program pembangunan yang dilaksanakan dengan pelbagai cara. Terutamanya tentang penerangan kebaikan dan kesan daripada program pembangunan yang sedang dilaksanakan. Haris Abd Wahab (2007) menyatakan masyarakat tempatan akan diberi penerangan secara terperinci berkaitan dengan kebaikan kemajuan yang akan mereka perolehi sekiranya mereka menyertai program pembangunan yang dijalankan.

1.14 Rumusan

G1M adalah wadah pembangunan negara daripada pihak kerajaan yang berlandaskan kepada pembangunan bangsa berteraskan semangat perpaduan nasional. Bertepatan dengan pembangunan komuniti yang mementingkan pengukuhan perpaduan, G1M merupakan landasan yang tepat pembangunan masyarakat Malaysia umumnya. Oleh itu, keseluruhan dalam bab ini telah memperincikan mengenai latar belakang G1M, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, G1M, Wawasan 2020, pembangunan belia, pembangunan belia di Malaysia, kepentingan kajian, definisi istilah, limitasi kajian, rangka konseptual dan teori yang berkaitan dengan penglibatan dalam pembangunan komuniti.

Rujukan

- Abdul Halim Ali. (1997). *Wawasan 2020, Integrasi Nasional dan Perpaduan Suku-Bangsa: Perlunya Pengasuhan Semula Politik*. Dalam Agenda Pembinaan Negara Bangsa Malaysia Dalam Era Kebangkitan Asia. Suntingan Mohd Yaakub Johari, Chang Shui Kiong & Mary Sintoh. Kota Kinabalu: Institut Kajian Pembangunan (Sabah).
- Abdul Rahman Embong. (2003). *Pembangunan dan Kesejahteraan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman Embong. (2006). *Negara Bangsa: Proses dan Perbaahan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman Embong. (2007). *Pembangunan Negara, Komuniti dan Insan Melampaui 2020*. Bangi: Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS).
- Abdul Rahman Embong. (2009). *Kepelbagaian Etnik, Perpaduan dan Pembinaan Bangsa*. Dlm. Azrina Husin, Azeem, Chua Soon Yean, P. Sivamurugan & Abd. Rahim. Membina Bangsa Malaysia, hal. 196-211. Putrajaya: JPNIN & USM.
- Abu Hassan. (1992). *Menghala Wawasan 2020* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Arena Ilmu.
- Adlina Ab. Halim. (2011). *Pendekatan Islam Hadhari dan Persepsi Belia: Satu Dapatkan Kajian*. Jurnal Hadhari, 3(1). pp. 21-40.
- Adlina Ab. Halim & Nas Shazwani Mohd Yatim. (2011). Pengetahuan Golongan Belia Terhadap Gagasan 1Malaysia. Dlm. Haslinda Abdullah, Sarjit S. Gill, Ismi Arif Ismail, Turiman Suandi, Nobaya Ahmad, Dzulhilmi Dahalan (pnyt). *Belia Pewaris 1Malaysia*, hlm. 123-235. Sedang: penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ahmad Fawzi Basri. (1987). *Isu-Isu Perpaduan Nasional*. Sintok, Kedah: Sekolah Pengajian Asasi, Universiti Utara Malaysia.
- Ahmad Zaharuddin Sani, A. S. (2009). Rukun Negara Dicipta Perpaduan Digapai. Membina Bangsa Malaysia: Integrasi Nasional, 4:469-480.
- Amini Amir Abdullah, Fahmi Azar Mistar, Hanina Halimatusaadiah Hamsan. (2014). *Gagasan 1Malaysia dan Penggunaan Media dalam Kalangan Belia*. Malaysian Journal of Youth Studies, 11. pp. 1-15.
- Arena Che Kasim. (2005). Pembangunan Manusia Menurut Al-Muhasibi dalam Menyelesaikan Masalah Sosial. Dlm. Junaenah Sulehan, Nor Azizan Idris, Nik Hairi Omar dan Mohd. Yusof Hussain, *Masyarakat, Perubahan dan Pembangunan*, hlm. 246-263. Bangi Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Asnarulkhadi Abu Samah. (2003). *Pengenalan Pembangunan Komuniti*. Serdang: Percetakan Selaseh.
- Asnarulkhadi Abu Samah. (2011). Permasalahan Belia: Pendekatan Bagi Mendepani Cabaran. Dlm. Haslinda Abdullah, Sarjit S. Gill, Ismi Arif Ismail, Turiman Suandi, Nobaya Ahmad, Dzulhailmi Dahalan (pnyt.) *Belia Pewaris 1Malaysia* (hlm. 1-21). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- A.T. Talib, Sarjit S. Gill, Mohd Mahadee, Jayum A. Jawan & Zaid Ahmad. (2010). *Gagasan 1Malaysia dan Semangat Patriotisme Belia PLKN. Malaysia Journal of Youth Studies*. 2, 142-158.
- A.T. Talib, Sarjit S. Gill, Mohd Mahadee, Jayum A. Jawan, Zaid Ahmad & Ayuni Isa. (2012). *Kefahaman, Persepsi dan Penglibatan Golongan Belia Terhadap Gagasan 1Malaysia*. Seminar Kepimpinan dan Dasar Najib. Universiti Teknologi Mara Sabah (UiTM). 13-25 September 2012.
- Ayuni Isa. (2014). *Gagasan 1Malaysia dan Korelasi Dengan Hubungan Etnik Dalam Kalangan Belia*. Tidak diterbitkan, Tesis Master, Universiti Putra Malaysia.
- Azimi Hamzah & Turiman Suandi. (1998). *Latihan Kepimpinan Pewaris: Ke Arah Pembentukan Paradigma Nasional*. Dalam Latihan Kepimpinan Pewaris Menghadapi Tuntutan Abad Ke-21. Suntingan Azimi Hamzah & Turiman Suandi. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Azimi Hamzah, Turiman Suandi & Ezhar Taman. (2002). *Persatuan Belia di Malaysia: Perkembangan dan Penyerahan Potensi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Azizan Bahari. (1995a). *Belia dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Baines, T. R., & Selta, J. R. (1999). Raising the rest of the neighborhood. *Reclaiming Children and Youth*, Vo. 8 (1), 25-29.
- Berita Harian, (5 Januari 2012). Seminar Pendidikan 1 Malaysia anjuran pelajar UNITEN.
- Berita Harian, (26 Jun 2013). Penerimaan Rakyat Terhadap Konsep Gagasan 1Malaysia Capai 86.4 Peratus: Ahmad Shabery.
- Che Rokiah & Rosbi Ishak. (2012). *Gagasan 1Malaysia: mengubah Destinasi Malaysia*. Seminar Kepimpinan dan Dasar Najib, Universiti Teknologi Mara Sabah (UiTM). 13-15 September 2012.
- Diana Convers. (1990). *Pengenalan Perancangan Sosial di Dunia Ketiga*. Terjemahan Noor Sharifah Sutan Saidi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farah Murni, Shaharuddin, Mazlan, Sharifah Shahirah, Nurulaini & Azila. (2012). *Persepsi Kakitangan Badan Berkanun dan GLC Terhadap Dasar Transformasi Pentadbiran Mohd Abdul Razak*. Seminar Kepimpinan

- dan Dasar Najib, Universiti Teknologi Mara Sabah (UiTM). 13-15 September 2012.
- Furstanberg, F.F., T.D. Cook, J. Eccles, G. H. elder, Jr., & A. Sameroff. (1999). *Managing to make it: Urban families and adolescent success*. Chicago University of Chicago Press.
- Glenda Partee. (2002). *Principles and Characteristics of Effective Youth Employment Programs in the U.S.A.: What's Applicable, What's Not*. Youth Employment Summit, September 7-11, 2002, Alexandria, Egypt, "Open Session"
- Haris Abd. Wahab. (2007). *Penglibatan Masyarakat Tani dalam Pembangunan Komuniti*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Haslinda Abdullah & Zaid Ahmad. (2011). Hubungan Keluarga dan Kesedaran Agama dalam Kalangan Belia Berisiko Pelbagai Etnik di Malaysia. Dlm. Haslinda Abdullah, Sarjit S. Gill, Ismi Arif Ismail, Turiman Suandi, Nobaya Ahmad, Dzulhilmi Dahalan (pynt) *Belia Pewaris 1Malaysia*, hlm. 34-49. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ishak Shaari. (2002). "Sabah dan Sarawak Dalam Arus Pembangunan Malaysia: Pencapaian Masa Kini dan Cabaran Masa Depan" dalam Mohd Yusof Kasim & Sabihah Osman. 2012. *Sabah & Sarawak dalam Arus Globalisasi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 16-38.
- Ismail Sualman & Adnan Hashim. (2012). *Pengetahuan dan Penerimaan Konsep 1Malaysia dalam Kalangan Remaja di Lembah Klang*. Seminar Kepimpinan dan Dasar Najib, Universiti Teknologi Mara Sabah (UiTM). 13-15 September 2012.
- Jayum Anak Jawan. (2002). "Kesan Politik Pembangunan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Negara (DPN) ke atas Masyarakat Pribumi dalam Konteks Integrasi Nasional" dalam Mohd Yusof Kasim & Sabihah Osman. 2012. *Sabah & Sarawak dalam Arus Globalisasi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 52-72.
- John D. McCarthy and Mayer N. Zald. (1977). Resource Mobilization and Social Movements: A Partial Theory. *American Journal of Sociology*, Vol. 82, No. 6 (May, 1977), pp. 1212-1241.
- Kamaruddin Mohd. Said. (2010). Slogan 1Malaysia dalam Konteks Evolusi Demokrasi Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 2, 17-34.
- Klandermans, B. (1984). Mobilization and Participation: Social-Psychological Expansions of Resourse Mobilization Theory. *American Sociological Revie*. Vol. 49, No. 5(Oct., 1984), pp. 583-600.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). *Determining Sample Size For Research Activities Educational and Psychological Measurement*, Vol. 30: 607-610.

Ku Hasnan Ku Halim. (2010). *Meniti Gagasan 1Malaysia, Pemikir*, Vol. 62. Oktober-Disember 2010, Bangi: Utusan Karya.

Ku Hasnan Ku Halim. (2012). *Gagasan 1Malaysia Aksara Kesinambungan Gagasan Negara Bangsa*. Seminar Kepimpinan dan Dasar Najib, 13-15 September 2012, Universiti Teknologi Mara Sabah (UiTM).

Lee Yok Fee. (2009). Memahami Proses Membina Bangsa Malaysia: Satu Perspektif Sosiologi. Dlm. Azrina Husin, Azeem, Chua Soon Yean, P. Sivamurugan & Abd. Rahim. *Membina Bangsa Malaysia*, hlm. 254-270. Putrajaya: JPNIN & USM.

Malaysia. (2010). *Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK 10)*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Ma'rof Redzuan & Haslinda Abdullah. (2008). *Psikologi (Edisi Ketiga)*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia).

Mohamad Idris Saleh, Che Su Mustaffa & Fuziah Shaffie. (1994). Siri Tatangera Utusan. *Sejarah Pembangunan Bangsa dan Negara*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Mohamad Rodzi Abd Razak. (2009). *Pembinaan Negara Bangsa Malaysia: Peranan Pendidikan Sejarah dan Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Jebat: *Malaysia Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 36. Pp. 90-106.

Mohamed Mustafa Ishak. (2010). *Gagasan 1Malaysia: Nuansa Baru dalam Mengisi Agenda Pembentukan Bangsa Malaysia*. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 2, hlm. 35-51.

Mohammad Redzuan Othman. (2006). *Sejarah Pembinaan Negara Bangsa: Siri Khas Sastera dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mohd. Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. (2012). *Pembangunan Sosioekonomi dan Pandangan Belia Terhadap Isu Semasa di Kawasan Parlimen Batu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 8 (2). Pp. 67-76.

Mohd. Mursyid Arshad, Ismi Arif, I., Steven Eric Krauss & Turiman Suandi. (2010). *Fenomena Mat Rempit: Cabaran dan Peluang Kepada Pengisian Gagasan 1Malaysia*. *Malaysia Journal of Youth Studies*. 2, 159-188.

Mohd. Razali Harun & Sarjit S. Gill. (2011). *Remaja 1Malaysia Dalam Menangani Masalah Belia FELDA*. Dlm. Haslinda Abdullah, Sarjit S. Gill, Ismi Arif Ismail, Turiman Suandi, Nobaya Ahmad, Dzulhilmi Dahalan (pynt) *Belia Pewaris 1Malaysia*, hlm. 66-87. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Mohd. Roslan & Sarjit S. Gill. (2011). *Gagasan 1Malaysia dan Belia Orang Asli: Isu dan Cabaran*. Dlm. Haslinda Abdullah, Sarjit S. Gill, Ismi Arif Ismail, Turiman Suandi, Nobaya Ahmad, Dzulhilmi Dahalan (pynt) *Belia Pewaris 1Malaysia*, hlm. 66-87. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

- Mondada, L. (2011). *Understanding as an Embodied, Situated and Sequential Achievement in Interaction*. *Journal of Pragmatics*, 545-552.
- Murphy. (1995). *Tarining for Youth Workers: An assessment guide for community-based organizations to promote youth development*. Academy for Educational Development, Center for Youth Development and Policy Research, Washington, D.C.
- Noor Sulastry, Y.A. (2010). *ISemangat Patriotisme Menjana Konsep 1Malaysia: Realiti atau Fantasi*. *Malaysia Journal of Youth Studies*. 2, 76-91.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia).
- Noran Fauziah Yakub. (1987). *Pengantar Sosiologi*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Okafar, F.C. (1982). "Community Involvement in Rural Development: A Field Study in the Bendel State of Nigeria". *Community Development Journal*. 17(2): 134-146.
- Rahimi Ramli. (2014). *Pemahaman, Persepsi, Penerimaan dan Penglibatan Belia di Sabah Terhadap Gagasan 1Malaysia*. Belum Diterbitkan. Tesis Master, Universiti Putra Malaysia.
- Rohana Yusof. (2003). *Penyelidikan Sains Sosial*. Bentong: PTS Publications & Distributor.
- Rosazman Hussin. (2012). *Program Pembasmian Kemiskinan Sebagai Strategi Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di Kudat, Sabah: Pencapaian Atau Cabaran*. Seminar Kepimpinan dan Dasar Najib, 13-15 September 2012, Universiti Teknologi Mara Sabah (UiTM).
- Rusniyati & Sharlina. (2012). *Persepsi Pelajar Berhubung Baucar Buku 1Malaysia (BBIM) Dalam Kalangan Pelajar di Sebuah IPTS*. Seminar Kepimpinan dan Dasar Najib, Universiti Teknologi Mara Sabah (UiTM). 13-15 September 2012.
- Sabihah Osman & Mohd. Yusof Kasim. (2002). "Sabah dan Sarawak Dalam Arus Pembangunan Malaysia: Pencapaian Masa Kini dan Cabaran Masa Depan" dalam Mohd Yusof Kasim & Sabihah Osman. 2012. *Sabah & Sarawak dalam Arus Globalisasi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 16-38.
- Sagawa, S. (1998). *Ten years of youth in service to America*. Washington, DC: American Youth Policy Forum.
- Salmah, Mohd. Shabri & Othman. (2012). *Cabaran Hubungan Etnik dan Kekuatannya pada Era Dato' Seri Najib*. Seminar Kepimpinan dan Dasar Najib, Universiti Teknologi Mara Sabah (UiTM). 13-15 September 2012.

- Sara Shakilla & Asnarulkhadi. (2011). Tahap Penglibatan Komuniti Orang Asli dalam Pembangunan Komuniti di Semenanjung Malaysia. *Journal of Human Capital Development*. 4, 125-139.
- Sarjit S. Gill & Charanjit Kaur. (2010). Peranan dan Cabaran Mahasiswa MelestarikanGagasan 1Malaysia. *Malaysia Journal of Youth Studies*. 2, 104-116.
- Scales, P. C., & Leffert, N. (1999). *Development Assets – A Synthesis of the Scientific Research*. Minneapolis: Search Institute.
- Shaharuddin Baharuddin, Azman Ayob & Mazlan Che Soh. (2010). Belia dan 1Malaysia: Antara Cabaran dan Harapan. *Malaysian Journal of Youth Studies*.2, 52-75.
- Sidek Mohd. Noah. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Stanley & Juanita. (2012). *Pandangan Masyarakat Melayu dan Cina di Kawasan Komersial Satok, Kuching, Sarawak Terhadap Konsep 1Malaysia*. Seminar Kepimpinan dan Dasar Najib, Universiti Teknologi Mara Sabah (UiTM). 13-15 September 2012.
- Turiman, S., Azimi, H., Ismi Arif, I., Ezhar, T., Siti Raba'ah, H., Dzulhilmie, D., Mohammad Rezal, H. & Wan Mahzom, A.S. (2008). *Jalinan Sosial Belia Malaysia: Implikasinya Terhadap Pembinaan Negara*. Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan IPSAS. Suntingan Jamilah Othman, Md Salleh Hassan, Bahaman Abu Samah, Jegak Uli, Nobaya Ahmad & Mazanah Muhamad. Serdang: Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), Universiti Putra Malaysia.
- Turiman Suandi, Nobaya Ahmad, Ezhar Taman & Azimi Hamzah. (2008). Pembangunan Belia ke Arah 2057: Isu dan Cabaran. *Jurnal Pembangunan Belia Malaysia* 1 (Disember): 1-13.
- Turiman Suandi. (2009). Belia Sebagai Modal Insan dan Rakan Pembangunan Masyarakat dan Negara. Dlm. Haslinda Abdullah, Turiman Suandi, Abd Halim Sidek, Sarjit S. Gill, Nobaya Ahmad, Dzulhailmi Dahalan (pnyt.) *Belia dan Pembangunan Modal Insan* (hlm. 8-22). Srdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Utusan Malaysia, (28 Julai 2011). *PM Ajak Rakyat Pindah Kepada Konsep Penerimaan Etnik*.
- Wasitah Hj Mohd Yusof. (2012). *Penerapan Elemen Pembangunan Belia Positif Dalam Perencanaan Program Rakan Muda Jiran Muda*. Belum Diterbitkan. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.
- Zahid Emby. (1997). *Wawasan 2020. Dalam Kenegaraan Malaysia*. Suntingan Asnarulkhadi Abu Samah & Jayum A. Jawan. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Booklet. (2010). *1Malaysia Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan*. Jabatan Penerbitan Dasar Negara. Jabatan Penerangan Malaysia, Putrajaya.

www.apcoworldwide.com/Content/pdfs/Indonesia_Brochure.pdf

